

# Menteri Pendidikan lawat dua buah sekolah rendah

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

**KUALA BELAIT**, Selasa, 23 Mei. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman hari ini mengadakan lawatan ke dua buah sekolah di Kluster 6 Kuala Belait.

Sekolah Rendah Melilas menjadi perhatian pertama Menteri Pendidikan yang mempunyai seramai dua murid dan lima guru. Sekolah berkenaan mempunyai seorang calon bagi Penilaian Sekolah Rendah (PSR) tahun ini dan dijangka akan menerima empat orang lagi murid pada pertengahan nanti.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan rombongan mengadakan lawatan ke Sekolah Rendah Dato Maharaja Setia Dian, Kampung Sukang, Ulu Belait.

Sekolah tersebut mempunyai seramai 10 pelajar dan lapan tenaga pengajar.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan rombongan kemudiannya menuaikan Sembahyang Fardhu Zuhur Berjemaah di Surau Kampung Sukang sebelum bertolak ke Asrama Pelajar sekolah berkenaan dan seterusnya merasmikan bangunan tersebut.

Asrama tersebut menempatkan sebanyak 10 pelajar yang terdiri dari apda lima lelaki dan lima perempuan dari Rumah Panjang Penan, Kampung Sukang, Ulu Belait.

Penghuni asrama berkenaan merupakan para pelajar di kawasan

berdekatan, yang tinggal berseberangan sungai sekolah yang sebelumnya memerlukan penggunaan perahu untuk hadir bersekolah.

Dengan adanya penempatan asrama tersebut, ia diharaskan bagi memudahkan lagi para pelajar untuk hadir ke sekolah setiap hari dan mengelakkan mereka dari tercicir dalam bidang pendidikan dan pelajaran.

Ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei, Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyatakan bahawa penempatan pelajar-pelajar di asrama adalah inisiatif Kementerian Pendidikan dengan sokongan Kementerian Kesihatan dan Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Menurut Yang Berhormat, penempatan para pelajar di asrama tersebut akan membantu mem'biasik'kan lagi akhlak para pelajar melalui program tertentu dan kemudahan yang disediakan di asrama berkenaan.

Semasa mengadakan lawatan di kedua-dua buah sekolah, Yang Berhormat Menteri Pendidikan berkesempatan melawat ke beberapa buah kelas dan melihat sendiri prasaranan yang disediakan di sekolah-sekolah berkenaan.

Yang Berhormat juga mengambil peluang untuk beramah mesra dengan pelajar-pelajar dan guru-guru dari kedua-dua buah sekolah, selain turut memberikan tumpuan pada Pengajaran

dan Pembelajaran yang menjurus pada kemahiran Abad Ke-21 (21st Century Teaching and Learning) juga perkembangan Pembimbing Antarabangsa (International Coach) Literasi yang ditempatkan bagi menyokong pengajaran di sekolah-sekolah berkenaan.

Turut menyertai rombongan Ketua Pengarah Pendidikan, Awang Haji Abdul Rahim bin Derus dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan dan Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

**MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan rombongan melawat dan meninjau pembelajaran di Sekolah Rendah Melilas (kanan).**



**YANG Berhormat Menteri Pendidikan dan rombongan meninjau penempatan asrama yang merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan dengan sokongan Kementerian Kesihatan dan Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.**

## CONPHA sebagai platform tambah baik pengurusan kedermawanan

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

### Dari muka 1

Persidangan anjuran UNISSA bersama Pusat Penyelidikan Antarabangsa Ekonomi dan Kewangan Islam (IRCIEF-KUIS) serta Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), Malaysia dengan kerjasama Institut Penyelidikan dan Latihan Islam (IRTI), International Islamic Development Bank (IDB), Arab Saudi ini bertujuan untuk mengumpulkan para penyelidik, pengamal dan pembuat polisi yang berkaitan dengan bantuan kemanusiaan.

Ia juga dihasratkan untuk menjadi platform pada perbincangan isu-isu

berkenaan bagi mendapatkan resolusi, idea dan pengongsian pengetahuan serta pengalaman, yang mana diharap dapat mengemukakan cadangan yang boleh dilaksanakan bagi menambah baik pengurusan kedermawanan bantuan kemanusiaan.

Lebih 30 kertas kerja dibentangkan pada seminar berkenaan yang membincangkan isu-isu berkaitan ekonomi dan kewangan Islam termasuk zakat, wakaf, infak, hibah, sadaqa, sukuk dan mikro-kewangan.

Pembentangan kertas kerja ucaptama didahului oleh Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, UNISSA, Profesor Abdul Ghafar bin Ismail yang

menyampaikan tajuk 'Philanthropy and Humanitarian Aid', diikuti dengan pembentangan oleh Dr. Razali bin Othman dari Universiti Putra Malaysia (UPM) berjudul 'Waqf for education : Practice, challenges and the way forward'.

Majlis diteruskan dengan Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang pendidikan dan penyelidikan di antara UNISSA, KUIS dan Universiti Istanbul Sabahattin Zaim, Turki.

Penandatanganan MoU itu diwakili oleh Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfani bin Haji Zainal bagi pihak UNISSA, manakala KUIS diwakili rektornya, Profesor Dato' Dr. Ab. Halim bin Tamuri dan Universiti Istanbul Sabahattin Zaim diwakili oleh presidennya, Profesor Dr. Mehmed BULUT.

Persidangan itu diadakan selama dua hari, bermula hari ini.



**MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Persidangan Derma-Bakti bagi Bantuan Kemanusiaan (Conference on Philanthropy for Humanitarian Aid - CONPHA) 2017 di Dewan Auditorium, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).**



**MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi hadir selaku tetamu kehormat majlis ketika menyampaikan sijil kepada penyampai kertas kerja ucaptama.**

## Perubahan waktu bekerja bulan Ramadan

Siaran Akbar :  
Jabatan Perdana Menteri

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 23 Mei. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa waktu-waktu bekerja di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan sepanjang bulan Ramadan bagi Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi adalah Isnin hingga Khamis dan Sabtu pada jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang.

Menurut Siaran Akbar Jabatan Perdana Menteri, bagi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang bertugas pada Jumaat, waktu bertugas adalah pada jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi.

Sementara pekerja-pekerja yang bergaji hari pula masa bekerja hendaklah dikurangkan selama satu jam dari waktu-waktu bekerja biasa, sementara penentuan memulakan kerja terserahlah pada budi bicara kementerian / jabatan masing-masing.